

# UMS tawar 5,068 tempat kepada pelajar baru

NST 02.09.2012 6

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-times.com.my

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan sebanyak 5,068 tempat kepada pelajar baru untuk mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang bagi sesi akademik 2012/2013.

Naib Canselornya Prof Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, penawaran tempat untuk penuntut baru universiti itu meningkat sebanyak sembilan peratus berbanding tahun lepas iaitu seramai 4,606 orang.

"Setakat petang Jumaat,

seramai 4,140 pelajar telah mendaftar. Pada tahun ini, kita telah memulakan sistem pendaftaran pelajar secara online dan nampaknya ia berjalan lancar ... lebih kemas dan tersusun.

"Ini satu peningkatan yang baik dalam pengurusan pendaftaran pelajar universiti ini.

"Kita memahami masalah terutamanya pelajar di kawasan luar bandar yang tidak dapat melayari internet, oleh itu kita berikan tempoh satu atau dua minggu kepada mereka untuk mendaftar," katanya pada sidang akhbar di Kolej Kediaman, UMS, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata, secara keseluruhannya sebanyak 55 peratus daripada pelajar yang memohon adalah aliran Sastera dan 45 peratus adalah bidang Sains.

"Matlamat kita ialah untuk meningkatkan bilangan pelajar aliran Sains melebihi 50 peratus... ini satu cabaran pada masa akan datang tetapi saya percaya usaha ini akan tercapai dengan tertubuhnya Pusat Asasi Sains," katanya.

Dari segi bilangan pelajar antarabangsa beliau berkata, empat peratus atau 180 pemohon adalah pelajar antarabangsa yang akan mengikuti program prasiswazah di Seko-



SIDANG AKHBAR ... Mohd Harun (duduk tengah) pada sidang akhbar itu.

lah Pengajian Ekonomi dan Sekolah Perniagaan Antara-bangsa Labuan.

"Kebanyakan mereka adalah pelajar dari China iaitu seramai 160 orang, manakala selebihnya daripada Korea, Indonesia, Turki dan Brunei," katanya.

Mohd Harun berkata, bi-

langan pelajar antarabangsa yang menuntut di universiti itu meningkat sebanyak tujuh peratus berbanding tahun lepas.

"Kita akan terus berusaha meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa bukan sahaja dari China, Brunei, Indonesia tetapi juga dari negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah keseluruhan penuntut

baru di UMS, 40 peratus adalah daripada Sabah.

"Kesemua pelajar baru atau pelajar tahun pertama diwajibkan tinggal di Kolej Kediaman UMS. Kita berusaha memberi kemudahan sebaik mungkin kepada para pelajar termasuk menjaga kebajikan dan keselamatan mereka," katanya.